

Bebas beragama bukan

UM 29 OCT 2001

Oleh ZULKIFLI JALIL

KUALA LUMPUR 28 Okt. — Rakyat bukan Islam tidak perlu kluatir dengan perisytiharan Malaysia sebagai negara Islam oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad kerana hak kebebasan beragama mereka tetap dijamin oleh perlembagaan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Rais Yatim berkata, mereka termasuk daripada MCA dan MIC perlu memahami bahawa konsep negara Islam sememangnya telah dipraktikkan di negara ini sejak 44 tahun lalu.

Cuma sekarang, tegasnya, ia dijadikan bahan retorik politik oleh parti pembangkang yang tidak senang dengan kemakmuran negara hasil pentadbiran kerajaan Barisan Nasional (BN).

“Macam buah nangka, panggillah apa sahaja nama, ia tetap nangka. Malaysia memang negara Islam dengan peruntukan undang-undang sedia ada dan cara hidup rakyatnya yang Islam.

“Ini yang ditonjolkan bahawa Malaysia sebagai negara Islam tanpa membawa pembaharuan atau mencuit (hak) mana-mana kaum,” katanya kepada *Utusan* hari ini.

Beliau mengulas kolum *Bisik-Bisik Mingguan Awang Sulung* dalam *Mingguan Malaysia* hari ini bahawa perisytiharan Malaysia sebagai negara Islam oleh Dr. Mahathir masih menjadi bahan percakapan dan perbincangan masyarakat bukan Islam di negara ini khususnya di kalangan orang Cina.

Menurut kolum itu, perbincangan dan kenyataan-kenyataan mengenai perkara tersebut mendapat tempat dalam akhbar-akhbar Cina. Malah, parti-parti politik Cina mengadakan forum khas membincangkan isu negara Islam.

Rais berkata, dalam hubungan ini, apa

Islam dijamin

yang perlu dilakukan oleh para pemimpin UMNO terutama biro penerangannya ialah menggariskan secara jelas apa yang diisytiharkan oleh Perdana Menteri itu.

Katanya, ia perlu diterapkan dalam bentuk yang kemas tanpa mengutarakan percanggahan kenyataan terutama dalam ceramah penerangan.

“Perisytiharan oleh Dr. Mahathir adalah kenyataan yang dibuat dalam konteks laporan akhbar.

“Konteks sebenar yang rasmi belum dikeluarkan oleh mana-mana pihak dan mungkin UMNO akan mengambil tindakan ini,” katanya.

Ditanya sama ada selaku menteri yang bertanggungjawab dalam pentadbiran undang-undang, beliau akan berbuat sesuatu dalam perkara ini, Rais berkata:

“Saya akan mencadangkan supaya satu dokumen rasmi dan penerangan yang tepat mengenai perisytiharan ini dikeluarkan tetapi yang jelas dari segi undang-undang, tiada perubahan.”

Perisytiharan Malaysia sebagai negara Islam dibuat oleh Perdana Menteri semasa merasmikan Persidangan Perwakilan Nasional Gerakan ke-30 pada 29 September lalu, yang berlandaskan penilaian ulama-ulama terkemuka Islam dahulu.